(https://www.upm.edu.my) Selamat Datang Ke Laman Portal
**Universiti Putra Malaysia**
(https://www.malaysia.gov.my/portal/index)



# Wanita berbakat dekorasi rumah genggam ijazah

Oleh Putri Nabila Zulfakar

**LIHAT JUGA**


ITMA cipta kejayaan dalam 20 tahun penubuhannya (/berita/itma_cipta_kejayaan_dalam_20_tahun_penubuhannya-54485)


Tunku Azizah berkenan rasmi Pandu Puteri Siswi (/berita/tunku_azizah_berkenan_rasmi_pandu_puteri_siswi-54483)


Nanoselulosa dihasil daripada biomas sawit (/berita/nanoselulosa_dihasil_daripada_biomas_sawit-54411)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

B1577938975

+603-9769 1000
+603 8948 7273
marketing@upm.edu.my
(mailto:marketing@upm.edu.my)






**SERDANG, 19 Nov** - Minat mendalam terhadap dekorasi rumah jelas bukan penghalang bagi Nur Diyana Zolkiffly, 25, untuk menamatkan pengajian dan menerima Bacelor Sains Pemakanan dan Kesihatan Komuniti pada Majlis Konvokesyen ke-43 Universiti Putra Malaysia (UPM), hari ini.
Diyana yang baharu seminggu mendirikan rumah tangga, berkata beliau dan suami, Dr. Nizam Haris, aktif dalam kerja-kerja dekorasi bajet rendah walapun tanpa sebarang asas dan hanya belajar daripada laman web.
"Saya dan suami memang sebagai satu *team*...corak pemilihan saya yang buat, manakala kerja-kerja berat seperi bertukang dilakukan oleh suami.

"Walaupun bidang pengajian kami berdua ke arah sains kesihatan, saya lihat kami mempunyai potensi dalam bidang dekorasi, lebih-lebih lagi apabila hasil kerja kami dihargai orang sekeliling," katanya.

B1577938975

Mereka dinobatkan sebagai antara pemenang ECO DIY King, malah beberapa hasil dekorasi yang dimuatnaik dalam sosial media turut mendapat sambutan dan menjadi viral.

Ketika ditanya berkenaan perancangan masa hadapan, beliau mahu memulakan kerjaya dalam bidang pengajiannya tetapi tidak menolak sekiranya terdapat rezeki dalam bidang dekorasi rumah memandangkan beberapa tawaran telah diterima seperti mendekorasi *homestay*.

Mengulas mengenai minatnya yang jauh berbeza daripada bidang pengajian, Diyana berkata setiap perkara yang ingin dilakukan adalah tidak terbatas.
"Hanya kerana kita belajar tentang perkara itu, tak semestinya kita perlu fokus kepada perkara itu sahaja. Kreativiti seseorang itu adalah melebihi apa yang dipelajari. Kalau ada minat tidak salah pun membuka ruang untuk kejar impian," katanya yang pernah melibatkan diri dalam bidang peragaan ketika peringkat pengajian diploma di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). - UPM

Tarikh Input: 03/12/2019 | Kemaskini: 03/12/2019 | hairul_nizam



**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fwanita_berbakat_dekorasi_rumah_genggam_ijazah-54099&title=Wanita%20Berbakat%20Dekorasi%20Rumah%20Genggam%20Ijazah%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)

(/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN

BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)

03-9769 7990 |
03-9769 7470 |
03-9769 1999

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

(http://www.mqa.gov.my/)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

Takwim UPM 2019 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM_2019_1.pdf)

(https://smp.upm.edu.my)

(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

(http://eclaims.upm.edu.my/login/)

(http://www.reg.upm.edu.my/eISO/)

(http://emel.upm.edu.my)

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2020 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1577938975